



Mahasiswa USIM bersama-sama sebahagian masyarakat orang Asli ketika kunjungan ke Kampung Api Larat, Pekan, Pahang.

USIM mengislamkan Orang Asli

Seramai 80 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya mengislamkan 11 Orang Asli Program Bakti Siswa USIM Bersama Masyarakat Orang Asli Jakun di Kampung Api Larat, Pekan, Pahang.

Program dianjurkan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Mereka yang memeluk Islam ialah Lai Yama, Sida Miting, Roslan Miting, Intan Miting, Razali Miting, Sila Miting, Miting Daud bersama tiga anak kecil dan Onyong Keduan.

Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, Prof Dr Zulkiple Abd Ghani, berkata program bakti siswa bersama Orang Asli dikategorikan sebagai serampang dua mata kerana pengisiannya bukan saja aktiviti kemasyarakatan, sebaliknya mahasiswa peluang menyebarkan dakwah kepada lebih

600 penduduk di kampung itu.

“Saya percaya program sebegini akan memberikan lebih banyak pengalaman kepada mahasiswa USIM untuk terus menabur

bakti,” katanya.

Sebanyak lapan fakulti terbabit dalam program berkenaan.

Pelajar melakukan aktiviti seperti program kesihatan, kebersihan gigi, ziarah, motivasi pendidikan dan sukaneka.

Jaga kebajikan

Sementara itu, Penggerak Dakwah Jakim, Zakaria Junin, berkata, usaha perlu diteruskan bagi menjaga kebajikan saudara baru agar mereka tidak keluar dari Islam.

“Kebajikan saudara baru dan sembilan keluarga Islam ini perlu dijaga bagi memastikan mereka percaya dengan agama Islam yang baru dianuti.

“Bimbingan keagamaan perlu diberikan kepada mereka bagi memupuk keyakinan mereka terhadap agama baru ini,” katanya.

Program dirasmikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.



BIMBINGAN KEAGAMAAN PERLU DIBERIKAN KEPADA MEREKA BAGI MEMUPUK KEYAKINAN MEREKA TERHADAP AGAMA BARU INI”

Zakaria Junin,
Penggerak
Dakwah Jakim



Peserta Program Bakti Siswa USIM turut berpeluang mengenali barangan kraftangan masyarakat Orang Asli.